

## Lori bawa asid nitrik tumpah

**SEBERANG PERAI** - Pihak bomba terpaksa bertungkus-lumus membersihkan tumpahan asid nitrik di atas jalan berdekatan sebuah stesen minyak di Sungai Lokan, Sungai Dua, Butterworth di sini semalam.

Difahamkan kejadian pada pukul 2.55 petang itu tidak mengakibatkan sebarang kecederaan atau keracunan kepada orang awam.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri berkata, tumpahan itu berlaku akibat kemalangan melibatkan sebuah lori dua tan yang membawa muatan asid nitrik.

"Sebuah lori dua tan yang membawa muatan bahan berkenaan telah terbabas

sebelum bahan kimia itu tumpah di atas jalan.

"Pihak bomba telah membuat takungan supaya tumpahan bahan kimia tersebut tidak masuk ke dalam longkang dan seterusnya melakukan operasi pembersihan," katanya.

Operasi pembersihan itu selesai pada pukul 8 malam tadi iaitu selepas lima jam kemudian.

Asid nitrik merupakan larutan akueous hidrogen nitrat dan bahan kimia ini mampu menghakis dan toksik sehingga boleh mengakibatkan luka menjadi terbakar teruk.

Asid nitrik antaranya digunakan dalam pembuatan baja dan bahan letupan.



ANGGOTA bomba membersihkan bahan kimia asid nitrik yang tumpah di atas jalan di Sungai Dua, Butterworth, Seberang Perai semalam.